

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 JUN 2025

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA : 16
SURAT

Malaysia perlu pelan kontinjensi ekonomi depani kesan konflik

Bisnes

Isnin
16 Jun 2025
www.bh.com.my

Krisis Israel-Iran

Malaysia perlu pelan kontinjensi ekonomi depani kesan konflik

Penganalisis gesa percepat usaha pengukuhan kerjasama serantau dalam kalangan ASEAN

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Malaysia perlu segera merangka pelan kontinjensi ekonomi yang komprehensif dan menyeluruh bagi menghadapi ancaman kemungkinan sekiranya konflik antara Israel dan Iran berlarutan serta mencetuskan ketidakstabilan geopolitik global yang lebih serius.

Ketika ini, menurut penganalisis, pelan kesiapsiagaan ekonomi negara masih dilihat bersifat berpecah-pecah (fragmented) dan belum benar-benar menyeluruh bagi menangani krisis berskala global yang berpotensi menjejaskan kestabilan fiskal, mata wang serta rantaian bekalan.

Perunding Kanan Global Asia Consulting, Samirul Ariff Othman, menegaskan bahawa dalam landskap geopolitik semasa yang kian mencabar, perancangan kontinjensi ekonomi bukan lagi satu pilihan, tetapi menjadi keperluan mendesak.

"Malaysia mungkin bukan pemain utama dalam konflik itu, namun limpahan kesan ketidakpastian yang timbul boleh memberikan tekanan besar terhadap ekonomi domestik.

"Kita belum ada pelan kebangsaan yang benar-benar menyeluruh bagi menghadapi gangguan geopolitik berskala global, manakala pada peringkat serantau, ASEAN juga belum mewujudkan mekanisme kerjasama untuk menangani isu sekuriti tenaga dan makanan," katanya kepada BH.

Beliau berkata, konflik yang berlarutan berisiko mencetuskan aliran keluar modal dari negara membangun, termasuk Malaysia, selain menyebabkan pelabur antarabangsa lebih cenderung mencari perlindungan di negara safe haven seperti Amerika Syarikat (AS) dan Switzerland.

Dalam senario ekstrem, katanya, gangguan ke atas laluan strategik seperti Selat Hormuz yang mengendalikan hampir 20 peratus bekalan minyak global, boleh menimbulkan krisis tenaga yang mempengaruhi kos pengeluaran, logistik serta import negara.

"Malaysia akan terdedah kepada tekanan inflasi import akibat lonjakan harga tenaga dan makanan, selain gangguan rantaian bekalan bagi sektor pembastan yang bergantung kepada komponen dari Eropah dan Asia Barat," katanya.

Kesan fiskal-kewangan

Samirul turut menjelaskan, kesan fiskal yang timbul juga perlu diberi perhatian serius, terutama dari segi beban subsidi bahan api yang boleh melonjak mencecah antara RM40 bilion hingga RM50 bilion sekiranya harga minyak mentah global kekal tinggi.

"Jika kerajaan gagal melaksanakan rasionalisasi subsidi, defisit fiskal boleh melebar dengan ketara, seterusnya memerlukan penggunaan rizab strategik negara bagi menampung impak berkenaan," katanya.

Dari sudut pasaran kewangan, ringgit juga dijangka mengalami tekanan susut nilai sekiranya ketegangan terus memuncak dengan unjuran paras RM4.90 hingga RM5.10 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

"Bank Negara Malaysia memiliki rizab antarabangsa sekitar AS\$110 bilion ketika ini, namun ruang untuk campur tangan tetap terhad dalam menghadapi senario ekstrem ini," katanya.

Selain itu, Samirul berpandangan, ruang dasar monetari juga sempit berikutan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sukar dinaikkan ketika pertumbuhan ekonomi domestik masih sederhana.

"Dalam keadaan paling ekstrem, BNM mungkin terpaksa mempertimbangkan langkah kawalan modal, termasuk moratorium pelaburan luar negara sekiranya keadaan memuncak," katanya.

Beliau juga menggesa agar Malaysia mempercepatkan usaha pengukuhan kerjasama serantau dalam kalangan ASEAN bagi mewujudkan mekanisme keselamatan tenaga dan makanan yang lebih bersepadu.

"Pelabur antarabangsa akan menilai bagaimana Malaysia menangani tekanan geopolitik, bermula daripada pengurusan fiskal, kestabilan mata wang, logistik hinggalah kepada dasar luar.

"Sudah tiba masanya Malaysia mengadaptasi pendekatan proaktif, bukan reaktif dalam menghadapi cabaran global," tegasnya.

Malaysia mungkin bukan pemain utama dalam konflik itu, namun limpahan kesan ketidakpastian yang timbul boleh memberikan tekanan besar terhadap ekonomi domestik

Ringgit diramal RM4.10-RM4.15 hingga akhir tahun

Nilai ringgit dijangka mengukuh kepada antara RM4.10 hingga RM4.15 berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) sehingga akhir tahun ini, dipacu pemuliharaan perdagangan global serta kemasukan modal asing yang berterusan.

Public Investment Bank dalam nota penyelidikannya berkata, walaupun ringgit menunjukkan prestasi memberangsangkan pada separuh pertama 2025, faktor luaran terus menjadi penentu utama hala tuju mata wang tempatan itu pada bulan-bulan mendatang.

Katanya, pengukuhan ringgit secara langsung akan bergantung kepada beberapa faktor termasuk ketahanan ekonomi domestik, penyempitan jurang kadar faedah antara Malaysia dan AS, serta sentimen pasaran global yang lebih positif.

"Selain itu, aliran masuk modal ke dalam pasaran bon domestik, pengukuhan lebih dagangan serta sedikit kelegaan dalam ketegangan perdagangan AS-China turut menyumbang kepada prestasi positif ringgit," katanya.

Namun, Public Investment Bank memberi amaran bahawa pengukuhan ringgit kebelakangan ini mungkin melebihi kekuatan asas makroekonomi semasa, memandangkan beberapa risiko luaran utama masih belum diselesaikan sepenuhnya.

Menurutnya, walaupun ada penurunan retorik tarif antara AS dan China buat sementara, ketegangan struktur perdagangan global masih wujud dan berpotensi membataskan kekuatan berterusan ringgit dalam jangka terdekat.

Public Investment Bank menjelaskan, dasar perdagangan AS di bawah pentadbiran bahu baru serta kemungkinan pengenaan semula tarif timbul balas kekal sebagai ketidakpastian utama kepada prospek ringgit.

Di samping itu, Malaysia turut terdedah kepada pergerakan nilai mata wang renminbi (RMB) memandangkan hubungan dagangan rapat antara kedua-dua negara. Kejatuhan mendadak RMB boleh memberi tekanan tambahan kepada ringgit menerusi hubungan serantau.

Dari sudut imbalan pembayaran, lebih akaun semasa Malaysia meningkat kepada RM16.7 bilion atau 3.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNGK) pada suku pertama 2025, didorong lebih dagangan barangan yang lebih kukuh.

Firma penyelidikan itu menekaikan unjuran lebih akaun semasa pada paras 1.8 peratus KDNGK tahun ini, berbanding 1.7 peratus tahun lalu, disokong oleh eksport barangan elektrik dan elektronik (E&E) yang stabil serta permintaan import yang perlahan.

Public Investment Bank turut menyatakan bahawa perbezaan kadar faedah kekal menjadi faktor utama. Ia menjangkakan Bank Negara Malaysia (BNM) mungkin menurunkan kadar OPR sebanyak 25 mata asas, manakala Fed dijangka melaksanakan satu pelarasan kadar, sekali gus mengecikan jurang kadar faedah.

Samirul Ariff Othman
Perunding Kanan Global Asia Consulting